

24/10/1999

Negara maju wajar biaya kos cegah Aids

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, negara maju yang kaya raya harus menanggung kos perbelanjaan penyelidikan bagi mengeluarkan ubat-ubatan untuk menangani masalah Aids yang menjadi antara pembunuh utama di dunia.

Perdana Menteri berkata, negara terbabit harus mengagihkan sedikit kekayaan mereka bagi mengurangkan bebanan rakyat miskin di negara membangun, menangani masalah itu.

Katanya, serangan baru-baru ini terhadap ekonomi negara membangun juga menyebabkan usaha memerangi Aids lebih sukar dan orang ramai tidak mampu menjalani rawatan kerana kos tinggi.

"Tetapi kos tinggi ini tidak sepatutnya berlaku jika negara membangun saling bekerjasama dan mencabar syarikat farmasi untuk menurunkan harganya atau meluluskan pelesenan wajib bagi ubat-ubatan penyelamat nyawa.

"Apa yang membimbangkan ialah lebih 95 peratus orang yang dijangkiti HIV adalah mereka yang tinggal di negara membangun dan 95 peratus kematian akibat Aids juga berlaku di negara membangun.

"Satu daripada sebab bagi peratusan yang tinggi itu ialah kerana kebanyakan negara membangun tidak mempunyai sumber untuk menjalankan program pencegahan yang berkesan disebabkan bebanan hutang atau keadaan politik yang tidak stabil," katanya ketika merasmikan Kongres Antarabangsa Mengenai Aids di Asia dan Pasifik (ICAAP) yang ke-5 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali; Permaisuri Ashi Sangay Chhoden Wangchuck dari Bhutan; Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Lebih 3,000 perwakilan dari 67 negara menghadiri kongres lima hari itu. Acara dimulakan dengan kisah mangsa Aids melalui klip video serta perutusan sokongan bagi memerangi Aids daripada Naib Perdana Menteri China, Li Lanqing; Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen; Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee dan Menteri untuk Wanita dan Kebudayaan Fiji, Lavinia Padarath.

Dr Mahathir berkata, pelesenan wajib dibenarkan di bawah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) tetapi menyedihkan untuk melihat negara kuasa besar tertentu bersama-sama dengan syarikat farmasi gergasi menafikan negara membangun hak untuk mengeluarkan ubat yang murah bagi menyelamatkan nyawa rakyat mereka.

(END)